



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KONSEP KEHORMATAN ORANG MELAYU  
DALAM DRAMA TERSASAR DI JALAN-MU***

**JUWAIRIAH BINTI OSMAN**

**FBMK 2014 50**



**KONSEP KEHORMATAN ORANG MELAYU  
DALAM DRAMA *TERSASAR DI JALAN-MU***

Oleh

**JUWAIIRIAH BINTI OSMAN**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**Disember 2014**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
Sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**KONSEP KEHORMATAN ORANG MELAYU DALAM  
DRAMA *TERSASAR DI JALAN-MU***

Oleh

**JUWAIIRIAH BINTI OSMAN**

**Disember 2014**

**Pengerusi: Norazlina Haji Mohd Kiram, PhD**  
**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Konsep kehormatan merupakan satu konsep keinsafan berakhlak yang berkait rapat dengan harga diri dan maruah. Ia merangkumi tutur kata dan tingkah laku secara keseluruhannya. Konsep kehormatan yang akan dibincangkan dalam kajian ini adalah berlandaskan kepada Islam. Kajian ini bertujuan mengenal pasti babak yang mengandungi konsep kehormatan orang Melayu, menghuraikan babak terpilih dengan menggunakan Kerangka Konsep Muriel Saville-Troike (1991) dan seterusnya, merumus jenis kehormatan berdasarkan Kerangka Konsep Ali Jarishah (1990). Jenis kehormatan ini terbahagi kepada tujuh, iaitu darah, harta benda, maruah, perpecahan, kezaliman, wanita dan amanah. Data diperolehi daripada drama *Tersasar Di Jalan-Mu* yang merupakan hasil karya dan arahan Erma Fatima. Drama ini telah dinobatkan sebagai drama terbaik dalam majlis Anugerah Skrin TV3 pada tahun 2009 dan merangkul beberapa anugerah lain dari aspek lakonan, videografi dan pengarahannya. Drama bergenre realiti ini mempunyai kekuatan naratif dan sarat dengan nilai moral, konflik sosial, isu kekeluargaan dan kemasyarakatan. Secara keseluruhan, kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengupas konsep kehormatan secara kritis. Kajian mendapati terdapat 21 babak daripada 61 babak yang mengandungi konsep kehormatan. Kehormatan jenis maruah adalah paling tinggi manakala kehormatan jenis perpecahan adalah paling rendah. Hal ini disebabkan perkara-perkara yang terkandung dalam 'maruah' mencakupi sebahagian besar daripada cara hidup dan budaya orang Melayu itu sendiri. Hasil kajian menjelaskan kehormatan bukanlah semata-mata maruah, tetapi satu nilai yang mempunyai maksud yang luas dan perlu dihayati dengan sebaik-baiknya oleh semua orang Melayu yang beragama Islam. Justeru, konsep kehormatan berlandaskan Islam perlu menjadi pegangan orang Melayu dalam usaha melahirkan bangsa yang bertamadun tinggi.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree Master of Arts

**THE CONCEPT OF RESPECT AMONG MALAYS  
IN DRAMA *TERSASAR DI JALAN-MU***

By

**JUWAIIRIAH BINTI OSMAN**

**December 2014**

**Chairman: Norazlina Haji Mohd Kiram, PhD**  
**Faculty: Modern Language and Communication**

The concept of respect is a concept that has a linkage between dignity and self-esteem. It consists of speeches and attitudes as a whole. The concept of respect that will be discussed in this study is mainly based on Islamic perspectives. This study is signified to identify the scenes that have the value of respect among Malays, to describe the selected scenes via conceptual framework proposed by Muriel Saville-Troike (1991) and to come out with several types of respect in those selected scenes based on Ali Jarishah's (1990) conceptual framework. The types of respect can be divided into seven which are blood, assets, dignity, cruelty, breakdown, women and responsibility. Results have shown that the concept of respect in Islamic perspective should be the strong hold among the Malays in producing highly civilized nation. Data are collected through a drama written and produced by Erma Fatima in drama "*Tersasar Di Jalan-Mu.*" The drama is nominated as the best drama in "Anugerah Skrin TV3" in 2009 and embraced several trophies in cinematography, videography and directing. This drama is a reality genre and has a strong value of narration and full of moral values, social conflicts, family issues and society. Ordinarily, this study is a qualitative study in nature as in to critically identify the concept of respect. There are 21 scenes from 61 scenes that have the concept of respect. Results have shown that dignity type's concept carries the highest type of respect while breakdown type's concept is the lowest. This is due to the 'dignity' aspect that concludes half of the Malays' lifestyle and culture themselves. The study explains the dignity is not merely dignity, but a value that has an extensive and should be appreciated best by all Malays are Muslims. Therefore, the concept of respect must be held by Malays in order to produce a highly civilized nation.

## PENGHARGAAN

### **Alhamdulillah (Segala Puji bagi Allah SWT)**

Setinggi-tinggi rasa kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dan izin-Nya saya telah dapat menyiapkan tesis ini. Kejayaan ini tidak mungkin akan diperoleh tanpa usaha yang gigih, bantuan dan doa yang berterusan daripada semua pihak. Benarlah kata pujangga “akar ilmu itu sememangnya pahit tetapi buahnya amatlah lazat.”

Sesungguhnya kejayaan ini bukanlah usaha saya semata-mata, namun keluargalah yang menjadi inspirasi utama sepanjang tesis ini dilaksanakan. Maka, sekalung penghargaan kepada insan istimewa yang begitu memahami dan mendoakan kejayaan ini.

**Suami tercinta, Abd Halim Bin Mohamed Aris,  
Anakanda tersayang, Nur Huda Jazmina Binti Abd Halim,  
Ibu yang dikasihi, Noorhaton Binti Ahmad  
Ayah yang selalu diingati, Allahyarham Osman Bin Hj. Mohd Yusof  
Ayah tiri yang dihormati, Ramli Bin Hashim  
Ibu bapa mentua, Mohamed Aris Bin Manan dan Halimah Abu Samah  
serta adik-beradik...**

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, **Dr. Norazlina Binti Haji Mohd Kiram** yang telah banyak membimbing, menunjuk ajar dan memberi dorongan tanpa jemu dalam menyempurnakan tesis ini. Segala jasa dan tunjuk ajar beliau akan dikenang sampai bila-bila. Begitu juga diucapkan terima kasih atas bimbingan dan nasihat *Dr. Nik Farhan Mustapha, Dr. Fazilah Husin*, serta pensyarah-pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Penghargaan ini ditujukan juga buat sahabat handai *Nurulhuda, Farah Hanan, Mariani, Maznah, Noor Hidayah Jumaat, Nurul Intisar, Amalina, Farahfadhliah, Saidatul Faiqah, Siti, Zanariah, Ruhayah, Suhaili, NoorAsiah* dan rakan-rakan serta semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Semoga tesis ini akan menjadi ilmu yang bermanfaat kepada diri saya sendiri dan mereka yang membacanya. AMIN YA RABBAL ALAMIN.

Yang benar,

---

(JUWAIIRIAH BINTI OSMAN)  
Email: juwairiahosman@gmail.com

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada (masukan tarikh viva voce) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi (masukan nama pelajar) bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Tajuk tesis" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Nama Pengerusi, PhD**

Pangkat (Profesor/Profesor Madya/Ir) – jika berkenaan

Nama Fakulti

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Nama Pemeriksa 1, PhD**

Pangkat (Profesor/Profesor Madya/Ir) – jika berkenaan

Nama Fakulti

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Nama Pemeriksa 2, PhD**

Pangkat (Profesor/Profesor Madya/Ir) – jika berkenaan

Nama Fakulti

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Nama Pemeriksa Luar, PhD**

Pangkat (Profesor/Profesor Madya/Ir) – jika berkenaan

Nama Organisasi (Universiti/Institusi)

Negara

(Pemeriksa Luar)

---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Professor and Deputy Dean

School of Graduate Studies

Universiti Putra Malaysia

Date:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Norazlina Haji Mohd Kiram, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nik Farhan Mustapha, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Fazilah Husin, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Juwairiah Binti Osman (GS29363)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_

## ISI KANDUNGAN

<b>ABSTRAK</b>	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>iii</b>
<b>PERAKUAN</b>	<b>iv</b>
	<b>vi</b>

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.2.1	Masyarakat Tidak Memahami Konsep Kehormatan	5
1.2.2	Persoalan Nilai Tidak Jelas	6
1.2.3	Nilai Kehormatan Semakin Diabaikan	7
1.2.4	Kurangnya Kajian Terhadap Drama Melayu	8
1.3	Objektif Kajian	9
1.4	Kepentingan Kajian	9
1.5	Data Kajian	10
1.6	Batasan Kajian	10
1.7	Definisi Operasional	10
1.7.1	Konsep Kehormatan	11
1.7.2	Orang Melayu	12
1.7.3	Drama Televisyen	12
1.7.4	Drama <i>Tersasar Di Jalan-Mu</i>	13
1.7.5	Anugerah Skrin TV3	14
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>15</b>
2.1	Pengenalan	15
2.2	Kajian-kajian Lalu	15
2.2.1	Ali Jarishah (1990)	15
2.2.1.1	Hak-hak Menurut Islam	16
2.2.1.2	Jenis Kehormatan	16
2.2.2	Paskalis Belawan, Jun 2009	19
2.2.2.1	Kehormatan sebagai Nilai dan Hak Asasi Manusia	19
2.2.3	Ummi Hani Abu Hassan (2011)	20
2.2.3.1	Skrip Drama sebagai Satu Usaha Dakwah	21
2.2.4	Maslina Che Embi (1993)	23
2.2.4.1	Drama sebagai Interpretasi Kehidupan Orang Melayu	23

	2.2.4.2	Kritikan Nilai Kemanusiaan dan Kemasyarakatan dalam Drama	23
2.2.5		Tenas Effendy (2013)	24
	2.2.5.1	Nilai-nilai Luhur Budaya Melayu sebagai Jati Diri Masyarakat	24
2.2.6		Laurent Metzger (2009)	26
	2.2.6.1	Nilai-nilai Melayu dari Sudut Pandangan Orang Luar	26
2.2.7		Norazlina Mohd Kiram (2010)	28
	2.2.7.1	Subkonsep Malu	28
	2.2.7.2	Gaya Pengurusan Air Muka dan Konflik	29
2.2.8		Firdaus Hj. Abdullah (2004)	30
	2.2.8.1	Pengaruh Drama Melayu terhadap Masyarakat	30
2.2.9		Muriel Saville-Troike (1991)	32
	2.2.9.1	Komponen Komunikasi	32
<b>3</b>		<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>35</b>
3.1		Pengenalan	35
3.2		Reka Bentuk Kajian	35
3.3		Pengumpulan dan Pemilihan Drama	35
3.4		Tatacara Menganalisis Data	37
3.5		Kerangka Konsep	39
	3.5.1	Komponen-komponen Komunikasi oleh Muriel Saville-Troike. Terjemahan Ajid Che Kob (1991)	39
	3.5.1.1	Situasi (Genre, Topik, Tujuan/Fungsi, Latar)	39
	3.5.1.2	Peserta	40
	3.5.1.3	Bentuk Mesej	40
	3.5.1.4	Kandungan Mesej	41
	3.5.1.5	Urutan Perilaku	41
	3.5.1.6	Peraturan Interaksi	42
	3.5.1.7	Norma Interpretasi	42
	3.5.2	Jenis Kehormatan oleh Ali Jarishah. Terjemahan Mohd Marzuqi Shafie (1990)	42
	3.5.2.1	Darah	43
	3.5.2.2	Harta Benda	43
	3.5.2.3	Maruah	44
	3.5.2.4	Kezaliman	45
	3.5.2.5	Perpecahan	45
	3.5.2.6	Wanita	46
	3.5.2.7	Amanah	47
3.6		Kaedah Kajian	49
	3.6.1	Kaedah Kepustakaan	49
	3.6.2	Kaedah Kualitatif	49

<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>50</b>
4.1	Pengenalan	50
4.2	Analisis 1 (Babak 2)	53
4.2.1	Komponen Komunikasi	53
4.2.2	Jenis Kehormatan	54
4.3	Analisis 2 (Babak 4)	55
4.3.1	Komponen Komunikasi	55
4.3.2	Jenis Kehormatan	56
4.4	Analisis 3 (Babak 6)	57
4.4.1	Komponen Komunikasi	57
4.4.2	Jenis Kehormatan	58
4.5	Analisis 4 (Babak 16)	59
4.5.1	Komponen Komunikasi	59
4.5.2	Jenis Kehormatan	60
4.6	Analisis 5 (Babak 17)	61
4.6.1	Komponen Komunikasi	62
4.6.2	Jenis Kehormatan	63
4.7	Analisis 6 (Babak 19)	65
4.7.1	Komponen Komunikasi	65
4.7.2	Jenis Kehormatan	66
4.8	Analisis 7 (Babak 20)	67
4.8.1	Komponen Komunikasi	68
4.8.2	Jenis Kehormatan	68
4.9	Analisis 8 (Babak 21)	69
4.9.1	Komponen Komunikasi	69
4.9.2	Jenis Kehormatan	71
4.10	Analisis 9 (Babak 22)	72
4.10.1	Komponen Komunikasi	72
4.10.2	Jenis Kehormatan	73
4.11	Analisis 10 (Babak 25)	75
4.11.1	Komponen Komunikasi	76
4.11.2	Jenis Kehormatan	77
4.12	Analisis 11 (Babak 28)	78
4.12.1	Komponen Komunikasi	79
4.12.2	Jenis Kehormatan	79
4.13	Analisis 12 (Babak 34)	81
4.13.1	Komponen Komunikasi	81
4.13.2	Jenis Kehormatan	81
4.14	Analisis 13 (Babak 35)	82
4.14.1	Komponen Komunikasi	83
4.14.2	Jenis Kehormatan	84
4.15	Analisis 14 (Babak 36)	86
4.15.1	Komponen Komunikasi	86
4.15.2	Jenis Kehormatan	87
4.16	Analisis 15 (Babak 40)	88
4.16.1	Komponen Komunikasi	88
4.16.2	Jenis Kehormatan	89

4.17	Analisis 16 (Babak 43)	91
4.17.1	Komponen Komunikasi	92
4.17.2	Jenis Kehormatan	92
4.18	Analisis 17 (Babak 47)	94
4.18.1	Komponen Komunikasi	94
4.18.2	Jenis Kehormatan	95
4.19	Analisis 18 (Babak 53)	96
4.19.1	Komponen Komunikasi	97
4.19.2	Jenis Kehormatan	97
4.20	Analisis 19 (Babak 54)	99
4.20.1	Komponen Komunikasi	99
4.20.2	Jenis Kehormatan	100
4.21	Analisis 20 (Babak 56)	101
4.21.1	Komponen Komunikasi	102
4.21.2	Jenis Kehormatan	102
4.22	Analisis 21 (Babak 60)	104
4.22.1	Komponen Komunikasi	105
4.22.2	Jenis Kehormatan	107
4.23	Interpretasi Data Drama <i>Tersasar Di Jalan-Mu</i>	109
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>114</b>
5.1	Pengenalan	114
5.2	Kesimpulan	114
5.3	Cadangan	116
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>118</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>122</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>158</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>159</b>

## SENARAI RAJAH

		Halaman
<b>Rajah</b>		
1	Peringkat Analisis Kajian	38
2	Jenis Kehormatan Oleh Ali Jarishah (1990)	48



## SENARAI JADUAL

Halaman

### Jadual

1	Perbezaan Skrip Drama TV dengan Penulisan Kreatif Lain	22
2	Drama Terbaik Anugerah Skrin TV3	36
3	Komponen Komunikasi	39
4	Kaitan di antara Kod dengan Saluran	41
5	Jenis Kehormatan	43
6	Babak dan Komponen Komunikasi	51
7	Babak dan Jenis Kehormatan	52
8	Komponen Komunikasi dalam Drama <i>Tersasar Di Jalan-Mu</i>	110
9	Jenis Kehormatan dalam Drama <i>Tersasar Di Jalan-Mu</i>	111
10	Babak Kehormatan, Minit dan Jenis Kehormatan dalam Drama <i>Tersasar Di Jalan-Mu</i>	123



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Peradaban Melayu merupakan suatu simbol kehidupan dan kebudayaan masyarakat Melayu. Ketinggian sesuatu peradaban itu adalah berdasarkan dua aspek utama, iaitu nilai kebendaan dan nilai keluhuran tatasusila. Dalam era globalisasi yang mengutamakan pada nilai kebendaan, nilai keluhuran tatasusila juga adalah sama penting dan harus ditekankan melalui bahasa dan komunikasi demi keharmonian serta ketinggian jati diri masyarakat. Masyarakat sangat menekankan aspek tatasusila atau perilaku manusia yang betul dan diterima umum. Betul atau salah sesuatu tatasusila dan perilaku ini telah ditentukan melalui garis panduan agama, kepercayaan, adat, budaya dan persekitaran. Hal ini bermakna kekuatan peradaban masyarakat dilihat pada mereka yang menjaga kehalusan tutur kata dan tingkah laku dengan menghormati atau mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang telah digubal oleh sekumpulan daripada mereka sendiri berdasarkan pegangan agama dan kepercayaan. Hal ini bertepatan dengan maksud istilah tamadun itu sendiri, seperti yang dinyatakan oleh Syed Naguib al-Attas, iaitu '*madana*' yang bermaksud membudipekertikan, memurnikan dan melahirkan sopan-santun (Mohd Koharuddin Mohd Balwi, 2005:49).

Seterusnya, Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi menyatakan bahawa tamadun Melayu adalah suatu puncak pencapaian sejumlah perlakuan yang baik dan luhur sama ada pemikiran dan perlakuan, yakni adab dan adat. Hal ini termasuklah juga segala hasil artifaknya atau budaya benda yang membentuk sebuah masyarakat yang teratur dan mementingkan kesejahteraan sosial untuk menyempurnakan segala sistem kehidupannya, iaitu sosial, politik, ekonomi dan keagamaan (2005:3). Justeru itu, perlakuan manusia menjadi satu perkara utama dalam melihat sejauh mana ketinggian sesuatu tamadun dan negara itu sendiri. Semakin tinggi nilai yang luhur dan baik diamalkan, maka semakin tinggi tahap pencapaian tamadun sesebuah bangsa.

Sehubungan dengan itu, nilai luhur atau kini dikenali sebagai nilai murni harus dipraktikkan oleh masyarakat secara berterusan. Secara asasnya, nilai merupakan sebahagian daripada kebudayaan kerana nilai merujuk kepada keupayaan manusia membuat perbezaan dan pemilihan serta memberi penghargaan, kedudukan dan status yang berbeza apabila berada dalam keadaan untuk membuat pemilihan tentang sesuatu perkara (Robiah Sidin & Juriah Long, 1998). Pada hari ini, nilai yang sering disebut dan ingin disemai pada tutur kata serta perilaku masyarakat adalah nilai murni. Secara amnya, nilai murni merupakan satu perlakuan yang baik, beradab dan lambang tatasusila yang diterima oleh semua masyarakat Malaysia malah

dipraktikkan oleh semua bangsa mengikut agama masing-masing khususnya agama Islam. Hal ini bertepatan dengan takrifan nilai murni, iaitu:

“Nilai-nilai murni merupakan tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama juga menjadi kriteria atau ukuran. Nilai-nilai murni sesuatu masyarakat biasanya diasaskan kepada agama. Memang menjadi tujuan semua agama, untuk membentuk kehidupan penganutnya untuk menjadi baik dan berakhlak mulia.”

(Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, 1988,  
<http://www.sarjana.tripod.com/nilai3.html>)

Dalam masyarakat Melayu, terdapat pelbagai nilai murni yang bersandarkan pada agama Islam seperti nilai hormat-menghormati, berbudi pekerti, kerjasama, keyakinan, berdikari dan sebagainya. Walau bagaimanapun, salah satu nilai yang dilihat paling relevan dan mencakupi sebahagian besar cara hidup orang Melayu adalah nilai kehormatan. Nilai kehormatan terbit daripada perkataan hormat. Menurut Zainal Abidin Safarwan (2002: 634-635), ‘hormat’ bermaksud sanjung, rasa segan, takzim dan sopan-santun. Nilai hormat yang dipraktikkan akan membawa kepada lambang kehormatan. ‘Kehormatan’ bermakna maruah, harga diri, martabat dan kemuliaan. Ini menunjukkan ‘kehormatan’ adalah nilai perlakuan masyarakat yang amat dititikberatkan untuk mendapat kehidupan yang lebih baik dan diredai Allah SWT. Nilai ini juga menjadi sensitiviti dan pegangan orang Melayu dalam kehidupan seharian bagi mengekalkan keharmonian hubungan sesama masyarakat.

Nilai kehormatan dapat dilihat dalam hubungan komunikasi masyarakat sama ada dalam tutur kata (verbal) mahupun tingkah laku (nonverbal). Bahkan Allah SWT menyuruh manusia memelihara tutur kata dan tingkah laku yang baik kerana amalan tersebut melambangkan akhlak dan keimanan pada-Nya. Hal ini dinyatakan dalam sabda Rasulullah SAW melalui Riwayat Muslim, iaitu:

إِنَّ رَجُلًا سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْمُسْلِمِينَ خَيْرٌ قَالَ مَنْ سَلِمَ  
الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

Ada seorang lelaki bertanya pada Rasulullah SAW, “siapakah orang muslim yang paling baik?” Baginda menjawab, “seseorang yang orang muslim yang lain selamat daripada gangguan lisan dan tangannya.”

(Abdul Muhsin Hamd Al-‘Abbad Al-Badr,  
[http://almanhaj.or.id/content/3197/slash/0/menja\\_galisanagarselaluberbicarabaik](http://almanhaj.or.id/content/3197/slash/0/menja_galisanagarselaluberbicarabaik))

Penjelasan hadis ini telah dibuat oleh Ibnu Hajar Al-Asqalani yang menyatakan bahawa bahasa sangat penting dalam menilai peribadi seseorang, iaitu melalui lisan (tutur kata) dan tangannya (tingkah laku). Dalam hal ini, setiap perkara yang dilakukan oleh seseorang akan melambangkan akhlak dan imannya.

Jelasnya, tutur kata dan tingkah laku merupakan dua aspek utama untuk membincangkan nilai kehormatan orang Melayu. Nilai ini bukan sahaja relevan dengan akhlak masyarakat, malah melambangkan kepercayaan dan budaya Melayu itu sendiri. Jamaliah Mohd Ali (2000:1) menyatakan bahawa “*values and beliefs vary among cultures and are mutually dependent on each other. Often speakers employ strategies of communication, and infer particular meanings in particular situations. These acts are said to reflect sectional interests, beliefs and values. These beliefs and values are representative of the culture of the speakers.*” Maka, bahasa komunikasi adalah sangat penting untuk dijaga kerana ia mempengaruhi nilai, kepercayaan, budaya, peribadi dan pemikiran masyarakat. Menurut Islam, kehormatan merangkumi semua perkara dalam kehidupan yang perlu dipelihara dengan sebaik-baiknya terutamanya dalam menjaga hubungan. Ia meliputi hubungan manusia dengan Allah (*hablumminnallah*), hubungan manusia dengan manusia (*hablumminnannas*) dan hubungan manusia dengan alam (*khalifatul ard*). Justeru itu, tutur kata dan tingkah laku semasa berkomunikasi adalah amat penting dan kedua-dua perkara tersebutlah yang menjadi kayu ukur dalam amalan setiap individu.

Dasar kerajaan pula menunjukkan nilai hormat-menghormati menjadi aspek penting dalam menyatupadukan rakyat. Sebagai contoh, Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengadakan, “Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni” semenjak tahun 2005 dan kini terus diadakan pada setiap tahun. Kempen ini bertujuan mengajak masyarakat untuk mengamalkan nilai yang baik, berkelakuan sopan dan saling menghormati. Selain itu, “Konsep Nilai-nilai Murni dalam Falsafah Pendidikan Negara” telah diperkenalkan pada tahun 1987 yang juga diamalkan sehingga sekarang untuk merealisasikan matlamat tersebut. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan pembentukan gagasan ‘1 Malaysia’ (2009) yang menekankan objektif utamanya seperti berikut:

1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia.

(Mohd Najib Tun Abd Razak,  
<http://www.1Malaysia.com.my>)

Gagasan tersebut bagi menegaskan lagi kepentingan nilai murni, terutamanya nilai hormat-menghormati sesama masyarakat berbilang bangsa dan agama. Kerajaan juga menyedari bahawa tidak ada gunanya jika masyarakat Malaysia kaya dari segi kebendaan tetapi muflis dari segi keperibadian.

Berdasarkan perbincangan ini, nilai hormat bukan sahaja merangkumi sikap hormat-menghormati, tetapi terdapat dalam sebahagian besar cara hidup dan budaya orang Melayu. Ini menunjukkan kepentingan dan ketinggian nilai kehormatan yang ternyata diamalkan dari dahulu, kini dan diharapkan pada masa akan datang dalam usaha mendidik masyarakat untuk menjadi negara maju yang seimbang dari sudut material dan spiritual. Maka, nilai tersebut wajar dikupas secara menyeluruh dan dijadikan konsep kehormatan orang Melayu dengan berpandukan pada agama dan budaya orang Melayu sebagai suatu konsep yang penting dan istimewa, iaitu konsep kehormatan orang Melayu. Konsep kehormatan orang Melayu ini dirujuk pada pandangan seorang sarjana yang berteraskan Islam, iaitu Ali Jarishah yang telah mengkategorikan kehormatan kepada tujuh jenis merangkumi darah, harta benda, maruah, keadilan, perpecahan kaum, wanita dan amanah yang mana ketujuh-tujuh jenis kehormatan ini adalah kajian terhadap Khutbah Terakhir Rasulullah SAW (*al-Wida'*). Dalam konteks kajian dan berdasarkan pemerhatian pengkaji, kebanyakan orang Melayu mengaitkan istilah 'kehormatan' dengan menjaga maruah semata-mata. Maka, kajian ini bertujuan bagi menjelaskan kehormatan yang sebenar berdasarkan pandangan Ali Jarishah yang seharusnya difahami oleh masyarakat.

Konsep kehormatan boleh dilihat dalam drama Melayu bergenre realiti, khususnya di kaca televisyen. Hal ini disebabkan realiti kehidupan orang Melayu banyak dipaparkan kepada khalayak melalui jalan cerita sesebuah drama. Menurut Indirawati Zahid (2006:429), sungguhpun tidak kesemua yang berlaku di alam nyata ini mampu dipaparkan di layar perak, sedikit sebanyak apa yang dipaparkan itu adalah perkara yang sememangnya berlaku dalam kehidupan seharian manusia. Justeru itu, konsep kehormatan orang Melayu dijangkakan dapat melahirkan individu yang bermaruah, mempunyai harga diri dan memegang jati diri yang tinggi sejajar dengan kehendak agama Islam. Malah, adat orang Melayu itu sendiri amat menekankan soal kehormatan demi mempertahankan maruah daripada tercemar, seperti peribahasa "daripada hidup bercermin bangkai, lebih baik mati berkalang tanah." Akhirnya, konsep kehormatan yang menggabungkan aspek bahasa, budaya, seni dan agama ini dijangkakan akan menjadi satu kajian yang menarik dan memberi kesedaran kepada masyarakat, sekali gus mengangkat martabat nilai kehormatan orang Melayu.

## **1.2    Penyataan Masalah**

Berdasarkan pemerhatian, pengkaji berpendapat bahawa persoalan nilai kehormatan merupakan suatu yang perlu diberi perhatian. Ini kerana nilai kehormatan memainkan peranan penting kepada orang Melayu. Justeru itu, nilai ini wajar dikaji bagi mengupas nilai kehormatan dengan lebih mendalam. Bahagian pernyataan masalah ini akan membincangkan empat perkara utama seperti berikut.

### 1.2.1 Masyarakat Tidak Memahami Konsep Kehormatan

Nilai kehormatan adalah asas kepada konsep kehormatan orang Melayu. Sesetengah masyarakat memahami nilai kehormatan sebagai sikap saling menghormati dan sering dikaitkan dengan istilah “maruah” sahaja. Ada juga sebahagian masyarakat yang lebih memperkatakan soal kehormatan dengan budaya dan kurang merujuk pada panduan agama Islam. Sedangkan, kehormatan adalah satu nilai yang sangat luas maksudnya dan merangkumi sikap, pemikiran, cara hidup, budaya dan agama sesebuah masyarakat. Hal ini selaras dengan kehendak agama Islam yang menuntut umatnya supaya memelihara kehormatan sebaik-baiknya.

Dalam hubungan ini, penelitian terhadap satu kajian seorang sarjana Islam, iaitu Ali Jarishah (1990:26) telah menyatakan bahawa kehormatan bukanlah faktor maruah semata-mata, seperti yang difahami oleh masyarakat umum. Kehormatan adalah mencakupi tujuh jenis kehormatan dalam ruang lingkup kehidupan umat Islam, iaitu darah, maruah, harta benda, kezaliman, perpecahan, wanita dan amanah. Tujuh jenis tersebut telah diteliti dalam isi kandungan Khutbah Terakhir Rasulullah SAW (*al-Wida'*) yang juga telah dinamakan sebagai Piagam Pertama Kehormatan Manusia (Ali Jarishah, 1990:26). Bertitik tolak daripada sini, kajian akan membincangkan nilai kehormatan dengan menggunakan Kerangka Konsep Ali Jarishah ini menjadi sebagai satu konsep, iaitu konsep kehormatan orang Melayu.

Berdasarkan hal ini, masyarakat yang tidak memahami maksud kehormatan yang sebenar akan melahirkan pemikiran yang sempit dan juga sering terdorong untuk menilai orang lain berdasarkan faktor luaran semata-mata seperti pangkat, harta benda, rupa paras dan sebagainya. Sedangkan dalam Islam, kehormatan adalah dinilai pada tutur kata dan tingkah laku yang berlandaskan pada keimanan terhadap Allah SWT. Hal ini sejajar dengan pandangan Paskalis Belawan yang menyatakan bahawa secara umumnya seseorang yang tidak berpegang sepenuhnya pada agama sering mengaitkan ‘kehormatan’ dengan maksud seperti berikut:

Kehormatan sering dikaitkan dengan kekayaan, sebab dengan kekayaan yang dimilikinya seseorang berada pada *level* yang lebih tinggi daripada orang lain dan dengan demikian nama baiknya juga menjadi predikat yang harus dipertahankan.

(Paskalis Belawan, 2009:2)

Hal ini bermaksud masyarakat beranggapan kekayaan adalah lambang utama peribadi seseorang. Orang yang kaya disanjung kerana boleh menguasai pelbagai perkara sehingga ia diberi kuasa melakukan apa-apa sahaja walaupun ia tidak beriman. Namun demikian, Islam tidak melarang umatnya mencari kehormatan dengan kekayaan, tetapi ianya mestilah berlandaskan kehendak-Nya.

Tegasnya, maksud kehormatan boleh dilihat juga pada pandangan Norazlina Haji Mohd Kiram (2010) yang menyatakan bahawa masyarakat Melayu sanggup berkompromi dalam banyak perkara kecuali soal maruah, harga diri dan air muka. Hal ini disifatkan sebagai sifat malu yang menjadi pegangan orang Melayu yang



diamalkan dalam kehidupan berlandaskan adat dan agama bagi menghormati, menjaga aib diri dan orang lain serta memelihara adab kesantunan. Masyarakat sangat menitikberatkan kesantunan dalam tutur kata dan tingkah laku kerana ia adalah lambang keimanan pada Tuhan. Dalam kata lain, semakin tinggi sifat malu seseorang untuk melakukan kejahatan, maka semakin tinggi juga tahap keimannya.

Justeru itu, maksud kehormatan yang sebenar perlu dikupas dengan lebih mendalam bagi merumuskan nilai kehormatan menjadi konsep kehormatan yang seharusnya didukung oleh masyarakat, seperti yang terkandung dalam pandangan Ali Jarishah. Seterusnya, diharap dapat melahirkan masyarakat yang berperibadi mulia, saling menghormati tanpa syarat demi mencari keredaan Allah SWT.

### **1.2.2 Persoalan Nilai Tidak Jelas**

Pada masa kini, media hiburan semakin mendapat tumpuan dalam kalangan masyarakat, baik golongan kanak-kanak, remaja mahupun dewasa. Salah satu elemen hiburan yang paling banyak disiarkan dan menjadi pilihan utama adalah drama Melayu yang disiarkan di televisyen kerana ia mudah ditonton, kos yang rendah dan jalan cerita yang berkaitan dengan kehidupan realiti masyarakat. Namun permasalahan yang berlaku kini adalah nilai kehormatan yang terdapat dalam drama tidak dikupas dengan jelas kepada penonton, seperti sikap hormat-menghormati tetapi melanggar batas-batas pergaulan dan sikap menyanjung seseorang yang berpangkat tinggi. Malahan babak tersebut tidak dikupas tentang nilai dan pengajaran yang berlandaskan ajaran Islam. Hal ini sudah tentu akan mempengaruhi minda masyarakat seperti pandangan Firdaus Hj. Abdullah (2004:183), babak negatif dalam drama mungkin merupakan gambaran sebenar daripada perkara yang berlaku di kalangan sebahagian kecil masyarakat Melayu. Tetapi pemaparannya di kaca televisyen dibimbangkan akan mempengaruhi sikap dan fikiran bilangan penonton yang lebih besar walaupun realiti negatif yang digambarkan hanya melibatkan bilangan yang kecil.

Said Halim Said Nong (1988) menyatakan bahawa nilai negatif dalam drama lebih mudah mempengaruhi pemikiran dan cara hidup penonton. Ini bermaksud, manusia lebih mudah meniru perkara yang tidak baik yang ditontonnya berbanding memikirkan pengajaran. Tambahan pula, sebahagian babak dalam drama sering memaparkan konflik dan penyelesaian yang kurang tepat seperti yang disarankan oleh Islam. Kesannya, ia boleh mengelirukan penonton dan secara tidak langsung ia akan menjadi didikan kepada masyarakat yang menonton drama sejak kecil sehingga mencapai usia dewasa. Maka, akan lahirlah masyarakat yang akan terikut dengan budaya dan nilai yang tidak baik.

### 1.2.3 Nilai Kehormatan Semakin Diabaikan

Nilai kehormatan ditekankan dalam budaya orang Melayu, iaitu sikap hormat-menghormati dan kesantunan dalam berkomunikasi. Menurut Awang Sariyan (2007), kesantunan merupakan penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya. Dalam hubungan ini, permasalahan budaya komunikasi kini adalah menggunakan tutur kata dan tingkah laku yang kasar serta tidak menghormati orang lain yang pasti akan membawa perpecahan dan pergaduhan masyarakat. Inilah yang dikatakan sebagai 'sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa.' Nilai kehormatan mengikut adab kesopanan orang Melayu ini sering diabaikan disebabkan pelbagai faktor. Antaranya sifat individualistik, gaya hidup moden yang kebaratan dan kurang kesedaran tentang kepentingan menjaga adab.

Pada hari ini, banyak aspek kebudayaan dan gaya hidup kita telah berubah dan bercampur aduk dengan kebudayaan luar terutamanya budaya barat. Tidak salah untuk mengikut budaya luar asalkan ia tidak menyalahi agama Islam seperti kata pepatah Melayu "yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan." Permasalahannya, dari bahasa pertuturan, cara berkomunikasi, pemakaian, pemakanan sehinggalah kekeliruan fahaman agama itu sendiri, kita banyak mengikut budaya asing. Ini termasuklah cara seseorang berkomunikasi yang kurang menghayati nilai menghormati antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, fenomena masyarakat pada hari ini, lebih mengaplikasikan bahasa yang berterusterang (*direct communication*), mengutamakan perasaan sendiri dan hanya memikirkan mesej itu difahami. Sebagai contoh, budaya orang Melayu yang mengutamakan air muka seseorang sering dipinggirkan seperti pendapat berikut:

*Malaysians place great emphasis in maintaining a harmonious relationship especially in face-to-face interactions. Malaysian society places the responsibility for maintaining face or saving, face on both the individual and the group. People go to great lengths to make sure that "one's water face is not dropped" (jatuh air muka), especially when the occurs in public. Camaraderie and rapport are aspects that underline harmonious relationship in the verbal interactions of Malaysian speakers.*

(Jamaliah Mohd Ali, 2000:98)

Maka, orang Melayu yang mengabaikan air muka orang lain sudah tentu akan meruntuhkan keharmonian hubungan. Menurut Ali Jarishah (1990), masyarakat yang tidak memelihara hubungan bersaudara sesama Islam adalah masyarakat yang tidak dihormati dan negara akan menjadi mundur. Dalam konteks drama *Tersasar Di Jalan-Mu*, bahasa yang digunakan adalah bersifat kasar, menjatuhkan air muka, banyak unsur negatif dan tabu, menyinggung perasaan orang lain serta tidak mengamalkan nilai hormat-menghormati kerana banyak terpengaruh dengan budaya barat.

#### 1.2.4 Kurangnya Kajian Terhadap Drama Melayu

Kajian tentang drama yang disiarkan di kaca televisyen terutama drama Melayu harus dilakukan dalam pelbagai dimensi memandangkan masyarakat kini semakin meminatinya. Hal ini disebabkan drama televisyen menyampaikan jalan cerita secara audio dan visual. Menurut Firdaus Hj. Abdullah (2004: 178-179), “pengaruh drama Melayu televisyen begitu tersebar dan meluas, sama ada kepada orang dewasa, apatah lagi kepada kanak-kanak dan para remaja. Tentu sahaja ada mudarat dan ada manfaatnya. Menyedari semuanya itu, saya mencadangkan supaya suatu kajian yang menyeluruh dan sungguh-sungguh diadakan.” Berdasarkan pandangan ini, kajian konsep terhadap kehormatan dalam drama *Tersasar Di Jalan-Mu* diharapkan dapat menjadi salah satu pengisian bagi permasalahan yang diutarakan.

Melalui penyelidikan, didapati kebanyakan kajian lebih tertumpu pada data kajian berbentuk tulisan. Hal ini pernah disebut oleh Mana Sikana (1985:126) yang menyatakan bahawa beliau pernah menulis tentang stail dialog dalam drama pentas, tetapi belum pernah meneliti aspek dialog mahupun lakonan dalam drama televisyen. Kebanyakan kajian lebih tertumpu pada karya yang bercetak seperti puisi, pantun, sajak, gurindam, skrip drama bercetak dan sebagainya. Meskipun kajian sekitar tahun 2000-an semakin meningkat tentang drama, tetapi ia lebih menjurus kepada skrip drama pentas, teater, drama Melayu yang bersifat ilmiah. Semua ini sering dibaca oleh pelajar, ahli akademik atau golongan tertentu sahaja. Sedangkan drama televisyen khususnya drama realiti merupakan saluran yang paling dekat dengan masyarakat, malah ditonton oleh pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia.

Menurut Md Azalanshah Md Syed et. al (2012:18), sejak tahun 1980-an dan 1990-an, drama asing telah dikurangkan dan digantikan dengan drama Melayu televisyen kerana mahu menampung permintaan ramai dan menangkis nilai-nilai luar mempengaruhi masyarakat Malaysia. Oleh itu, sewajarnya drama televisyen dikaji dan ditingkatkan bilangan kajiannya. Maka, nilai kehormatan yang merangkumi sebahagian besar cara hidup orang Melayu perlu dibincangkan menggunakan medium yang diminati agar masyarakat lebih mudah untuk memahami maksud kehormatan yang ingin dijelaskan. Selanjutnya, kajian ini diharapkan dapat menambah ilmu pengetahuan tentang nilai kehormatan orang Melayu yang sedia ada sekali gus mengangkat keistimewaan cara hidup orang Melayu. Ia juga dapat digunakan oleh pelbagai bidang dalam melihat budaya dan arah pemikiran orang Melayu yang ternyata berbeza dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini.



### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini ingin mencapai tiga objektif utama seperti yang berikut:

- i. mengenal pasti babak yang mengandungi nilai kehormatan orang Melayu menerusi drama *Tersasar Di Jalan-Mu*,
- ii. menjelaskan babak yang mengandungi nilai kehormatan orang Melayu dengan menggunakan Kerangka Konsep Muriel Saville-Troike (1991), dan
- iii. merumus nilai kehormatan kepada konsep kehormatan orang Melayu dengan menggunakan Kerangka Konsep Ali Jarishah (1990).

### 1.4 Kepentingan Kajian

Kehormatan merupakan satu perkara yang amat penting dalam kehidupan, khususnya orang Melayu yang beragama Islam. Hal ini sejajar dengan hadis riwayat Ibn Majah yang menyatakan “*kehormatan seseorang mukmin itu adalah lebih besar di sisi Allah daripada kehormatan Baitullah al-Haram sendiri*” (Ali Jarishah, 1990:3). Maka, kajian ini berusaha untuk mengupas konsep kehormatan orang Islam berdasarkan Kerangka Konsep Ali Jarishah yang juga dikenali sebagai Piagam Pertama Kehormatan Manusia (1990:18).

Dalam hubungan ini, jenis kehormatan tersebut dapat memberi kefahaman kepada masyarakat Melayu tentang nilai kehormatan yang seharusnya diamalkan dalam kehidupan. Tambahan pula, nilai kehormatan adalah berkait rapat dengan adat dan budaya Melayu. Dengan itu, ia dapat menjadi satu idea yang menyeluruh, iaitu konsep kehormatan orang Melayu. Masyarakat juga diharapkan dapat memelihara sifat hormat dalam setiap perbuatan, dan seterusnya meneruskan kelangsungan budaya masyarakat Melayu yang amat mementingkan adab kesopanan yang tinggi demi melahirkan individu yang bermaruah, beriman dan mempunyai jati diri Melayu yang teguh. Ketinggian nilai dan martabat budi pekerti orang Melayu ini secara langsung dapat menunjukkan keistimewaan orang Melayu yang ternyata berbeza dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

Dari aspek drama pula, kajian ini diharap menjadi salah satu kritikan sosial kepada pembikin drama sama ada pengarah mahupun pelakon dalam menghasilkan jalan cerita. Hal ini disebabkan mereka dilihat sebagai “pendidik paling rapat” secara tidak langsung kepada masyarakat kerana drama televisyen sentiasa diminati dan mudah ditonton. Namun, penonton juga harus memainkan peranan semasa menilai mesej sesuatu drama yang disaksikan terutamanya drama bergenre realiti. Ini disebabkan masyarakat perlu menyedari bahawa jalan cerita dalam drama mampu mempengaruhi minda dan sahsiah seseorang. Kajian ini juga dapat menjadi perintis kepada penyelidik pada masa depan bagi menjalankan kajian tentang nilai Melayu yang wajar diangkat sebagai satu konsep yang istimewa. Dalam masa yang sama, kajian ini dapat dijadikan bahan bacaan rujukan kepada masyarakat luar yang ingin mengetahui budaya dan sensitiviti orang Melayu, khususnya sifat sopan-santun dan cara berkomunikasi dengan orang Melayu yang amat mementingkan aspek

kehormatan dalam pertuturan serta perlakuan mereka. Justeru itu, ia dapat menjamin komunikasi yang berkesan sesama orang Melayu mahupun dengan masyarakat luar.

## 1.5 Data Kajian

Kajian ini menganalisis drama Melayu yang ditayangkan menerusi televisyen, iaitu drama *Tersasar Di Jalan-Mu* (TDJM) yang dihasilkan oleh Erma Fatima di TV1 pada tahun 2009. Drama ini telah memenangi Anugerah Drama Terbaik dalam majlis Anugerah Skrin (ASK) yang dianjurkan oleh TV3. Secara keseluruhannya, durasi drama *Tersasar Di Jalan-Mu* adalah 1 jam 28 minit. Drama TDJM dipilih sebagai data kajian kerana mengandungi nilai kehormatan dan menyentuh pelbagai isu yang menyeluruh. Hal ini dikuatkan lagi dengan pandangan seorang wartawan, Akmal Abdullah dalam keratan akhbar Berita Harian yang menyatakan,

*“Saya secara peribadi yang sudah menonton drama ini sebanyak tiga kali harus mengakui kekuatan naratif, pemikiran, isu yang disentuh, persoalan nilai dan moral yang dibawa dalam drama terbitan Rumah Karya Cipta Sdn Bhd.”*

(Akmal Abdullah, 10 Disember 2009)

## 1.6 Batasan Kajian

Bagi menjalankan kajian yang lebih menjurus dan mempunyai fokus, maka kajian ini membataskan kepada dua kategori, iaitu batasan bahan dan aspek kajian. Batasan bahan kajian ialah drama terbaik Anugerah Skrin TV3 pada tahun 2009 bertajuk *Tersasar di Jalan-Mu* (TDJM). Batasan aspek pula ialah menganalisis data dalam komunikasi tutur kata (dialog) dan tingkah laku (aksi lakonan) oleh watak-watak dalam drama *Tersasar Di Jalan-Mu* dengan berpandukan dua kerangka konsep utama telah dipilih, iaitu Komponen Komunikasi oleh Muriel Saville-Troike (1991) dan Jenis Kehormatan oleh Ali Jarishah (1990).

## 1.7 Definisi Operasional

Bahagian ini akan menghuraikan beberapa makna dari sudut istilah dan konsep tajuk kajian, iaitu ‘konsep kehormatan’, ‘orang Melayu’, ‘drama televisyen’, ‘drama *Tersasar Di Jalan-Mu*’ dan ‘Anugerah Skrin TV3.’ Definisi ini juga dapat menjelaskan maksud konsep kehormatan yang ingin dikaji.

### 1.7.1 Konsep Kehormatan

Dari segi istilah, konsep kehormatan mempunyai makna tertentu. Menurut Zainal Abidin Safarwan (2002), 'konsep' bermakna idea, pengertian am dan gagasan. 'Hormat' pula membawa erti malu, segan, tabik, sopan-santun, manakala 'kehormatan' ditakrifkan sebagai maruah, harga diri, martabat, kemuliaan dan ketinggian darjat. Secara asasnya, makna kata-kata terbitan yang lahir daripada kata akar 'hormat' itu sendiri adalah seperti berikut:

- i. Berhormat - mempunyai kedudukan yang dimuliakan
- ii. Terhormat - yang dihargai, diagungkan atau dimuliakan
- iii. Dihormati - terkemuka, terpancang dan terbilang
- iv. Menghormat - menegur, menyapa dan membahaskan
- v. Menghormati - menyegani, memalui, menghargai, mentakzamkan, mentaati, menerima, mengadabi, meraikan, menakuti, sujud, patuh dan mengaku setia kepada tanah air
- vi. Kehormat - yang dirai atau disanjung
- vii. Penghormat - penyanjung
- viii. Penghormatan - pemujaan kepada dewa-dewa, sembah kepada raja, penghargaan, pemuliaan, persalaman, taslim dan khidmat
- ix. Hormat-menghormati - pandang-memandang, harga-menghargai, saling menghormati, saling memuliakan dan malu-memalui

Kehormatan dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *honor*, bahasa Arab dikenali sebagai *hurumat*, bahasa Cina adalah *lok men tze* dan bahasa Tamil adalah *moonjai kodu*.

Berdasarkan makna istilah tersebut dapat disimpulkan bahawa nilai hormat berkait rapat dengan maruah, harga diri, nama baik dan peribadi mulia seperti yang terdapat dalam istilah 'kehormatan.' Maksud nilai kehormatan ini akan dikaji dalam tutur kata dan tingkah laku dari sudut budaya orang Melayu dan agama Islam kerana ia dilihat sebagai satu nilai yang mempunyai kepentingan yang tersendiri. Dalam konteks kajian, pengkaji menggunakan Kerangka Konsep Ali Jarishah (1990) yang telah mengkategorikan kehormatan kepada tujuh jenis, iaitu darah, maruah, harta benda, keadilan, perpecahan, wanita dan amanah (1990:26). Tujuh jenis kehormatan ini terdapat dalam isi kandungan Khutbah Terakhir Rasulullah SAW (al-Wida') yang disampaikan sebelum baginda wafat sehingga ia dikenali juga sebagai Piagam Kehormatan Manusia. Persoalan kehormatan sering diperkatakan dalam kehidupan seharian dan ia perlu dibincangkan dengan mendalam agar masyarakat Melayu lebih menyedari kehormatan berlandaskan budaya dan ajaran Islam yang sepenuhnya. Kerangka konsep bercirikan Islam seumpama ini disokong dengan pandangan Mahathir Mohamad (2008: 180) yang menyatakan bahawa Islam merupakan pengaruh tunggal yang paling besar terhadap konsep nilai dan tatasusila Melayu. Oleh itu, diharapkan maksud kehormatan oleh Ali Jarishah ini dapat melahirkan umat Islam yang memelihara nilai kehormatan hanya kerana Allah SWT sekali gus mewujudkan masyarakat yang bermaruah dan mempunyai harga diri yang telus.

Daripada perbincangan definisi yang diberikan ini, terbina satu idea baharu yang berkonsepkan keinsafan berakhlak yang menyeluruh dan istimewa, iaitu konsep kehormatan orang Melayu. Konsep kehormatan orang Melayu akan dibincangkan menerusi drama televisyen bergenre realiti, *Tersasar Di Jalan-Mu*. Hal ini disebabkan drama televisyen dilihat lebih mudah difahami dan dihayati kerana mempunyai unsur visual dan audio. Akhirnya, konsep kehormatan ini diharapkan dapat memberi atau mengukuhkan kesedaran masyarakat bahawa manusia adalah sama di sisi Allah SWT, yang membezakan hanyalah amalan nilai akhlak yang terpuji. Individu yang berakhlak tinggi akan dihormati oleh manusia dan mendapat penghormatan tertinggi daripada Allah SWT.

### **1.7.2 Orang Melayu**

Dari sudut istilah, 'Melayu' membawa makna suatu bangsa (terutama di Semenanjung Malaysia) yang mengikut cara hidup orang Melayu, beragama Islam dan menuturkan bahasa Melayu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Menurut Resali Muda (2009:133) yang menggunakan ungkapan 'Melayu definisi' menjelaskan orang Melayu adalah satu rumpun bangsa manusia yang mendiami 'kepulauan Melayu' yang memiliki kriteria tertentu, iaitu bangsa Melayu atau keturunannya, bertutur bahasa Melayu atau bahasa Malaysia dan beragama Islam. Seterusnya, berdasarkan Perlembagaan Malaysia Perkara 160 Fasal 2, orang Melayu adalah orang yang bertutur dalam bahasa Melayu, menganut agama Islam, dan mengamalkan adat resam hidup Melayu (Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi (2005:13). Dalam konteks kajian, orang Melayu merupakan individu yang memegang watak sebagai orang Melayu dalam drama *Tersasar Di Jalan-Mu*. Masyarakat Melayu yang tinggal di Lorong Haji Taib, Chow Kit, Kuala Lumpur dan menghadapi budaya hidup yang bermasalah, iaitu pelacuran, penagihan dadah dan kongsi gelap.

### **1.7.3 Drama Televisyen**

Pengertian drama dari bahasa adalah berdasarkan perkataan Greek Tua, iaitu 'dran' yang bermaksud satu lakonan atau perbuatan (Kalam Hamidi, 2003:20). Drama ialah aksi yang mewakili perlakuan dan menggambarkan kehidupan manusia. Mana Sikana (2006:147) menyatakan ciri drama adalah menghargai hidup, mengajak manusia menilai diri dan fungsinya mengarah kepada kebaikan dan memancarkan sikap dan nilai hidup Islam. Terdapat pelbagai jenis drama dan salah satunya drama televisyen. Drama televisyen merupakan aksi dan lakonan yang dirakam dan boleh disunting semula mengikut kreativiti dan kehendak pembikin drama seterusnya disiarkan di kaca televisyen untuk tontonan umum. Drama Melayu televisyen, terutama drama realiti sering mengangkat soal kebudayaan, agama dan sebagainya. Hal ini seperti pandangan berikut:

*The Malaysian cinema is constructed from the interaction of cultural forces in that particular location and expressed through issues such as ethnicity, religion, gender, tradition, modernity, intra and international migration and esthetic options such as narrative voice, stylistic exposition and generic characteristic.*

(William Van Der Heide, 2002:161)

Dalam hubungan ini, genre drama Melayu berbentuk realiti, iaitu drama *Tersasar Di Jalan-Mu* dipilih kerana drama tersebut mendapat pengiktirafan sebagai drama terbaik dan berjaya mengangkat persoalan kehidupan masyarakat yang sebenar pada masa kini. Drama realiti melalui kaca televisyen telah mula diperkenalkan selepas drama pentas dan drama radio kurang mendapat perhatian. Drama realiti sering menjadi pilihan masyarakat kerana jalan ceritanya mudah dan berlaku di persekitaran sebenar.

#### **1.7.4 Drama *Tersasar di Jalan-Mu***

Drama *Tersasar di Jalan-Mu* merupakan drama terbaik bagi tahun 2009 dalam majlis Anugerah Skrin yang dianjurkan oleh TV3. Drama ini bertemakan kepincangan hidup dan persoalan isu sosial dalam kehidupan masyarakat yang tinggal di Lorong Haji Taib, Kuala Lumpur. Drama ini telah dilakonkan oleh para pelakon yang terkenal dan diakui mutu lakonannya sehingga watak utamanya mendapat Anugerah Pelakon Wanita Terbaik dan beberapa anugerah lagi. Watak dalam drama ini adalah seperti berikut:

1. Rosnah Mat Aris sebagai Mami
2. Elly Suraity sebagai Jamilah
3. Azri Iskandar sebagai Ghani
4. Norish Ismail sebagai Aliya
5. Sarah Shamira sebagai Ayu
6. Eric Fuzi sebagai Iman
7. Rosdeen Suboh sebagai Yasir
8. Eds Edrina sebagai Milda
9. Hushairi Husain sebagai Ayong
10. Adlin Aman Ramli sebagai Harun

Secara ringkasnya, drama ini mengisahkan kehidupan sebuah keluarga, iaitu Mami dan Harun yang mempunyai tiga orang anak, iaitu Yasir, Aliya dan Ayu. Mereka membesarkan anak-anak dengan membuka warung makan dan menyewakan bilik sewa di kawasan rumah mereka. Malangnya, Mami membenarkan pelanggan melakukan aktiviti pelacuran di premis sewaan mereka. Abang Harun pula tidak mepedulikan hal ini, malah sering leka dengan bermain judi nombor ramalan. Disebabkan rezeki yang tidak berkat inilah, Yasir dan Aliya terjebak dengan jenayah dadah dan gejala sosial. Namun, anak bongsu mereka, iaitu Ayu berumur 11 tahun merupakan pelajar pintar di sekolahnya. Ayu juga sering membantu ibu bapanya dalam menjalankan perniagaan walaupun dia tidak cukup mengerti dengan



kehidupan yang bergelumbang dengan maksiat itu. Dia bercita-cita untuk menjadi menteri bagi mengubah nasib tempat tinggalnya.

Mami memang popular di kawasan itu kerana sering menolong pelacur dan pondan yang menghadapi masalah. Antaranya, seorang pelacur yang sering ditindas, iaitu Jamilah yang dipaksa oleh suaminya, Ghani untuk melacurkan diri demi kepentingan diri. Jika Jamilah ingkar perintah Ghani ini, maka dia akan dipukul dan dihina dengan kejam. Walaupun sering dinasihati dan dimarahi oleh Mami dan keluarganya, namun Ghani sering memanipulasi isterinya. Pada akhir kisah ini, Ghani telah berjaya ditangkap oleh pihak polis yang melakukan serbuan di lorong itu. Maimun yang merupakan jiran yang akrab dengan Mami pula bekerja sebagai pelacur untuk menampung hidup. Iman tidak berpeluang bersekolah dan hanya bekerja sebagai penjaja buah-buahan walaupun masih kanak-kanak. Ayu mengajar Iman mengeja dan membaca. Mereka berdua seakan-akan sudah lali dan reda menerima nasib kehidupan mereka yang dibesarkan di tempat yang penuh dengan aktiviti maksiat dan jenayah. Dengan kesibukan Mami yang leka dengan kerjanya dan lebih melayan masalah pelacur-pelacur di situ, dia tidak menyedari perubahan anaknya, Aliya yang telah teruk mengalami ketagihan dadah.

Pada suatu hari, Aliya tidak dapat menahan ketagihannya, lalu dia telah mencuri bekalan dadah Yasir tanpa pengetahuan ibu bapanya. Untuk memuaskan ketagihan dadah yang melampau, Aliya telah mengambil dadah dalam dos yang sangat tinggi sehingga dia meninggal dunia. Setelah kejadian, barulah Mami dan suaminya, Abang Harun menyesal dengan kelalaian mereka dalam memberi perhatian dan didikan kepada anak-anak. Di akhir drama ini, ia menunjukkan Ayu yang telah dewasa, berjaya mencapai cita-citanya dan menjadi menteri kebajikan masyarakat. Dia telah berjaya mengubah kawasan itu daripada terus menjadi sarang maksiat.

### **1.7.5 Anugerah Skrin TV3**

Dalam konteks kajian Anugerah Skrin TV3 ialah satu acara tahunan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada penerbit, pengarah, pelakon dan pihak di belakang tabir yang terlibat dalam menghasilkan sesebuah drama dan filem. Anugerah Skrin yang dianjurkan oleh TV3 diadakan sejak tahun 1995. Pada mulanya, Anugerah Skrin hanya membuka pencalonan kepada rancangan-rancangan yang disiarkan di TV3 sahaja. Namun, sejak tahun 2006, pihak penganjur telah membuka pencalonan kepada drama-drama siaran RTM, TV9, NTV7, 8TV dan ASTRO ([http://ms.wikipedia.org/wiki/Anugerah\\_Skrin\\_2010](http://ms.wikipedia.org/wiki/Anugerah_Skrin_2010)) untuk meningkatkan persaingan dan kualiti karya seni tempatan. Anugerah Skrin TV3 pada tahun 2009 telah mengiktiraf drama *Tersasar Di Jalan-Mu* sebagai drama terbaik di atas kehebatan jalan cerita dan mesej yang ingin disampaikan kepada penonton. Drama ini telah merangkul pelbagai anugerah, iaitu Drama Terbaik, Pengarah Terbaik, Pelakon Wanita Terbaik, Pelakon Pembantu Wanita Terbaik, Videografi Terbaik dan Lakon TV Terbaik.

## BIBLIOGRAFI

- Ali Jarishah. (1990). *Kehormatan, Hak-hak Manusia Menurut Islam, Suatu Kajian Perbandingan*. Terjemahan. Mohd Marzuqi Shafie. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abdullah Nashih Ulwan. (1995). *Pendidikan Anak Islam*. Jakarta: Pustaka Amini.
- Al-Quran dan Terjemahannya. Rasm Uthmani. (2009). Bangi: Khazanah Rabbani Publisher.
- Akmal Abdullah. "Tersasar Di Jalan-Mu Dedah Konflik Sosial." *Berita Harian*, 10 Disember 2009.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Hamzah. "Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya." *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Volume 6, Issue 1, 2004, hlm. 1-10. Penerbit: Universiti Malaya.
- Erma Fatima (2009). *Drama Tersasar Di Jalan-Mu*. Penerbit: Rumah Karya Cipta Sdn. Bhd.
- Firdaus Hj. Abdullah. (2004). *Komentar Politik dan Kebudayaan*. Bab dalam Buku. "Kajian Semula Kandungan Program TV Tempatan dan Perbandingan Kesan Drama Televisyen." Penerbit: Universiti Malaya.
- Haryati Hasan. (2006). "Hubungan Pelacuran-Penghijrahan. Tarikan atau Tolakan?" *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. Jilid 33. Hlm. 73-95.
- Hashim Hj. Musa, Normahdiah Sheik Said. Rozita Che Rodi. Siti Sarah Ab Karim. "Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang." *GEMA Online. Journal of Language Studies*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Volume 12 (1). Januari 2012.
- Indirawati Zahid. (2006). *Aspek Verbal dan Nonverbal dalam Filem Melayu*. "Budaya Memeluk Akar Menyuluh ke Langit". Kertas Kerja. Singapura : Jabatan Bahasa dan Budaya Melayu, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang.
- Jamaliah Mohd Ali. (2000). *Verbal Communications, A Study Of Malaysian Speakers*. Penerbit: University of Malay Press.
- Kalam Hamidi. (2003). *Pegangan Pementasan Drama*. Penerbit: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laurent Metzger. (2009). *Nilai-nilai Melayu, Satu Sudut Pandangan Orang Luar*. Penerbit: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mahadi J.Murat. "Isu perfileman di Malaysia." *Dewan Budaya*. Januari 2010. Halaman 54-56. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahathir Mohamad. (2008). *Dilema Melayu*. Penerbit: Marshall Cavendish Editions.
- Mana Sikana. (1985). *Esei dan Kritikan Drama*. Bangi: Universiti KebangsaanMalaysia.
- Mana Sikana. (2006). *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslina Che Embi. (1993). *Nilai Kemanusiaan dan Kemasyarakatan dalam DramaAnak Tanjung: Satu Perbincangan Kritis*. Projek Ilmiah. Penerbit: Universiti Putra Malaysia.
- Md Azalanshah Md Syed dan Mohd Nazri Ibrahim. (2012). "Drama Rantaian Asia: Wanita Melayu, Gelagat Menonton dan Idea Kemodenan." *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Vol. 14. No. 1. Hlm 17-34. Penerbit: Universiti Malaya.
- Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi. (2005). *Peradaban Melayu*. Penerbit: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Saad Md Ani. "Santai D'Chow Kit." *Majalah Agensi Antidadah Kebangsaan*. Bil. 2/ 2001. Hlm 5.
- Mohd Sheffie Abu Bakar. (1987). *Metodologi Kajian*. Penerbit: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muriel Saville-Troike. (1991). *Etnografi Komunikasi. Suatu Pengenalan*. Terjemahan. Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazlina Mohd Kiram. (2010). *Konsep Malu Orang Melayu dalam Novel Saga*. Tesis PhD. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Resali Muda. "Melayu Definisi, Melayu Polisi, dan Bukan Melayu dalam Enakmen Tanah Rizab Melayu: Satu Tinjauan." *Jurnal Undang-undang*. 2009. Hlm. 129-143. Penerbit: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Robiah Sidin & Juriah Long. (1998). *Nilai Budaya Masyarakat Desa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Said Halim Said Nong (1988). *Drama Melayu Televisyen Malaysia: Satu Penilaian, Perkembangan dan Peranan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tenas Effendy. (2001 ). *Jender dalam Adat dan Budaya Melayu*. Indonesia: Pekanbaru.

Tenas Effendy. (2013 ). *Tegak Menjaga Tuah, Duduk Memelihara Marwah: Mengenal Sosok, Pikiran Dan Pengabdian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Umni Hani Abu Hassan (2011). *Drama Dakwah di Malaysia: Kajian Tentang Proses Penulisan Skrip*. Disertasi Sarjana. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.

William Van Der Heide, (2002). *Malaysian Cinema, Asian Film. Border Crossing and National Cultures*. Amsterdam : Universiti Press Amsterdam.

Zainal Abidin Safarwan. (2002). *Kamus Besar Bahasa Melayu*. Penerbit: UtusanPublications & Distributors Sdn. Bhd.

### LAMAN SESAWANG

Abdul Muhsin Hamd Al-‘Abbad Al-Badr. ‘Menjaga Lisan Agar Selalu Berbicara Baik.’Dimuatturun pada 27 Januari 2012 dari laman web <http://almanhaj.or.id/content/3197/slash/0/menjagalisanaqarselaluberbicarabaik>.

Anugerah Skrin 1995-Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas. Dimuatturun pada Januari 18, 2010, dari laman web [http://ms.wikipedia.org/wiki/Anugerah\\_Skrin\\_1995](http://ms.wikipedia.org/wiki/Anugerah_Skrin_1995).

Anugerah Skrin 2007-Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas. Dimuatturun pada Januari 19, 2010, dari laman web [http://ms.wikipedia.org/wiki/Anugerah\\_Skrin\\_2007](http://ms.wikipedia.org/wiki/Anugerah_Skrin_2007).

Anugerah Skrin 2008-Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas. Dimuatturun pada Januari 21, 2010, dari laman web [http://ms.wikipedia.org/wiki/Anugerah\\_Skrin\\_2008](http://ms.wikipedia.org/wiki/Anugerah_Skrin_2008).

Anugerah Skrin 2009-Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas. Dimuatturun pada Januari 22, 2010, dari laman web [http://ms.wikipedia.org/wiki/Anugerah\\_Skrin\\_2009](http://ms.wikipedia.org/wiki/Anugerah_Skrin_2009).

Anugerah Skrin 2010-Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas. Dimuatturun pada Januari 30, 2010, dari laman web [http://ms.wikipedia.org/wiki/Anugerah\\_Skrin\\_2010](http://ms.wikipedia.org/wiki/Anugerah_Skrin_2010).

Anugerah Skrin 2011-Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas. Dimuatturun pada Januari 18, 2010, dari laman web [http://ms.wikipedia.org/wiki/Anugerah\\_Skrin\\_2011](http://ms.wikipedia.org/wiki/Anugerah_Skrin_2011).

Budi Bahasa Budaya Kita-Portal 1Klik. Dimuatturun pada 11 Mac 2011, dari laman <http://www.pmr.penerangan.gov.my/.../5697-budi-bahasa-budaya>.

Konsep Nilai Murni dalam Falsafah Pendidikan Negara 1987. Dimuatturun pada 20 Mac 2011, dari laman web <http://www.sarjana.tripod.com/nilai3.html>

Mohd Najib Abdul Razak. “*The 1Malaysia Concept.*” Dimuatturun pada 7 Mac 2011 dari laman web <http://www.1Malaysia.com.my>.

Paskalis Belawan. *Kehormatan sebagai Nilai dan Hak Asasi Manusia*. Jun 2009, Dimuatturun pada 13 Januari 2012, dari laman web <http://mualang.wordpress.com/.../kehormatan-sebagai-nilai>.

Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. (1988). *Ke Arah Perlaksanaan Nilai-nilai Murni: Dalam KBSM : Falsafah Pendidikan Negara*. Dimuatturun pada 13 April 2011, dari laman web <http://www.sarjana.tripod.com/nilai3.html>